

## **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DENGAN HEI TECH PADU BERHAD**

Terlebih dahulu, saya bagi pihak warga UMS dengan penuh hormat dan bangganya mengalu-alukan kehadiran YB Tan Sri Dato' Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia dan isteri, Pn. Sri Fauziah Sharom ke Kampus Tetap UMS. Kami amat berterima kasih kepada YB Tan Sri dan Pn. Sri, kerana sudi buat kali pertama pada hari ini melapangkan masa bersama-sama kami bagi menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara UMS dengan Hei Tech Padu Berhad pada petang ini. Di samping lawatan pertama kali oleh YB Tan Sri ke Kampus Tetap UMS, saya juga turut mengalu-alukan kehadiran para hadirin sekalian.

Bagi pihak UMS, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan YB Tan Sri sebagai Menteri Pendidikan Malaysia yang baru. Kami di UMS berasa bangga dan yakin dengan pengalaman luas dan tinggi yang ada pada Tan Sri, terutama mengenai pengurusan pendidikan tinggi negara. Diharapkan segala pengalaman ini akan dapat dicurahkan dan menjadi pemangkin untuk memartabatkan serta meningkatkan kecemerlangan proses pendidikan negara ke tahap global. Seluruh warga akademik, para pelajar dan staf UMS akan memberi sokongan kepada Tan Sri dalam usaha membangun serta meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara.

### **Latar Belakang dan Kemajuan UMS**

UMS kini sudah berusia lebih daripada lima tahun. Walaupun masih dianggap sebagai sebuah universiti yang baru, namun kami di UMS berasa bangga dengan perkembangan dan kemajuan akademik serta pembangunan fizikal yang dicapai selama ini. Kemajuan ini dicapai berikutan wujudnya sokongan dan komitmen daripada semua pihak, baik dari dalam mahupun dari luar universiti. Sokongan ini terutamanya datang daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi serta Kerajaan Negeri Sabah sendiri.

Kemajuan yang dicapai ini dapat dilihat daripada beberapa aspek. Pertama, dari segi kemasukan pelajar prasiswazah berlaku peningkatan yang tinggi iaitu daripada 205 orang pada tahun 1995, bertambah kepada 4,600 orang pada tahun 1999. Pada tahun 2000, jumlah kemasukan pelajar dijangka meningkat kepada 6,000 orang. Pertambahan pelajar turut meningkat untuk pengajian peringkat sarjana dan Ph.D. Bermula dengan hanya 25 orang penuntut pada tahun 1995, jumlah pelajarinya telah bertambah kepada 273 orang pada tahun 1999.

Selain itu, jumlah program pengajian akademik turut bertambah. Pada tahun 1995, bermula dengan hanya 10 program yang ditawarkan, ia telah bertambah kepada 49 program pengajian pelbagai bidang pada tahun 1999. Pada sesi 2000/2001 ini, UMS merancang untuk memperkenalkan program e-dagang dan kejuruteraan mekanikal. Pertambahan ini selaras dengan peningkatan kemasukan pelajar dan pengambilan tenaga pengajar tetap UMS dari masa ke semasa.

Kemajuan universiti terus menyerlah pada tahun 1999. UMS telah mengadakan Majlis Konvokesyen Pertama dan berjaya menghasilkan seramai 640 orang graduan ijazah pertama, enam orang graduan ijazah sarjana dan dua orang graduan ijazah pada peringkat Ph.D.

Kecemerlangan pelajar juga turut menyerlah. Ini terbukti apabila pelajar UMS berjaya menjadi Johan Pertandingan Debat Alam Sekitar peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA), menjadi Johan Pertandingan Mencipta Laman Web Peringkat IPT anjuran IBM dan terkini menjadi Johan *Student Project* anjuran APMITAA.

### Meningkatkan Kecemerlangan UMS

Seperti universiti lain, UMS juga mempunyai misi dan visi untuk berusaha gigih membina kecemerlangan akademik (*academic excellence*) dalam aktiviti teras universiti, iaitu dalam bidang pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat.

Dalam hal ini, universiti ini telah menggerakkan pelan strategi dan program-program yang boleh meningkatkan kecemerlangan dan kualiti dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan melalui kerjasama yang kukuh dengan institusi dalam dan luar negara. Dalam bidang pengajaran contohnya, semua tenaga pengajar baru diwajibkan lulus dalam Kursus Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran selama satu semester, sebelum mereka boleh dipertimbangkan untuk disahkan ke jawatan tetap.

Di samping itu, satu jawatankuasa audit akademik telah dibentuk bagi memantau pencapaian tenaga akademik dalam semua aktiviti *core business academic* masing-masing. Tujuannya ialah untuk memastikan setiap ahli akademik UMS berada pada tahap kualiti yang tinggi setiap masa dalam kerjaya akademik masing-masing.

Sementara itu, UMS juga kini sedang gigih menyiapkan *manual procedure* untuk mendapatkan Sijil MS ISO 9000 pada tahun ini dalam enam aktiviti iaitu penyelidikan, perkhidmatan, perpustakaan, proses pengendalian peperiksaan, pengambilan staf, pengajaran dan pembelajaran serta perolehan. Insya-Allah, dengan kegigihan pegawai-pegawai yang menyediakan *manual procedure* tersebut, UMS berharap dapat menerima Sijil MS ISO 9000 dalam keenam-enam aktiviti pada akhir tahun ini.

Dalam bidang penyelidikan pula, dua buah pusat kecemerlangan penyelidikan iaitu Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) dan Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) telah mula mengumpul hasil penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup para nelayan dan petani. Ini termasuklah penyelidikan penghasilan benih-benih ikan kerapu dan bibit rumpai laut yang berdaya maju. Kami yakin, projek-projek ini mempunyai potensi yang berdaya komersial.

Selain itu, IBTP telah mendapat geran penyelidikan kira-kira RM7 juta untuk menggerakkan kerja-kerja penyelidikan di UMS. Para penyelidik UMS telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan institusi luar negara, misalnya dengan Universiti Hokkaido, di Jepun, *Southern Cross University* Australia, Universiti Copenhagen dan Aarhus Denmark.

Sebagaimana yang dapat dilihat pada hari ini, proses melengkapkan pembinaan kampus tetap sedang giat dijalankan. Kerja-kerja Fasa Satu A yang melibatkan sembilan buah bangunan telahpun siap mengikut jadual. Dijangkakan, UMS akan berpindah sepenuhnya ke kampus tetap pada penghujung bulan ini. Insya Allah jika tiada aral melintang, fasa satu pembangunan fizikal yang bernilai RM1.12 bilion ini dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2001.

### Kerjasama Dengan Hei Tech Padu Berhad

Memorandum persefahaman yang akan ditandatangani sebentar lagi di antara UMS dengan Hei Tech Padu bertujuan untuk membangunkan Sistem Pengurusan Bersepadu Universiti. Sistem ini berupaya membantu perancangan strategik dan melincinkan sistem pengurusan sumber tenaga manusia, sistem pengurusan yang bersifat kos efektif. Di samping itu, melalui kerjasama ini UMS juga merancang untuk mewujudkan inkubator penyelidikan *IT* serta pembangunan pintar pengajaran dan pembelajaran.

## **Pengemudi Lapa Sakti**

---

*Koleksi Ucapan Naib Canselor UMS*

Perkongsian pintar ini merupakan anjakan paradigma bagi universiti ke arah memartabatkan profesionalisme dan kecemerlangan pengurusan sistem maklumat yang bersepadu. Ini sejajar dengan moto univer-siti, iaitu 'Bertekad Cemerlang'. Diharapkan kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pihak yang terlibat secara langsung, tetapi juga kepada masyarakat luar agar dapat menikmati hasil yang sama.

Akhir kata, sekali lagi saya mewakili seluruh warga UMS mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Tan Sri Dato' Musa Mohammad, Menteri Pendidikan Malaysia dan Pn. Sri Fauziah serta para hadirin sekalian di atas kesudian dan keprihatinan untuk sama-sama menyaksikan Majlis Memorandum Persefahaman di antara UMS dengan Hei Tech Padu Berhad. Tidak lupa juga kepada pihak YBhg Dato' Mohd Hilmey serta pegawai-pegawai Hei Tech Padu Berhad yang sudi berkerjasama dengan UMS dalam usaha mewujudkan perancangan sistem pengurusan maklumat yang bersepadu.

---

*Ucapan di Majlis Memorandum Persefahaman diantara Universiti Malaysia Sabah dengan Hei Tech Padu Berhad pada 14 April 2000.*